

KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

LAWAT SPE

Seramai 30 kakitangan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berkunjung ke Sekolah Perniagaan & Ekonomi pada 25 Julai 2007. Delegasi tetamu dari Pantai Timur tersebut telah diketuai oleh Prof. Dr. Shukri yang juga merupakan salah seorang pensyarah yang pernah berkhidmat di Universiti Malaysia Sabah. Tetamu telah diraikan oleh Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hj Kasim Hj. Md Mansur di Bilik Mesyuarat Utama. Dalam ucapan aluan meraikan tetamu dari negeri pantai timur semenanjung itu, beliau melahirkan rasa terima kasih atas kesudian rombongan datang ke Negeri di Bawah Bayu dan melalui lawatan sebegini akan mewujudkan kerjasama yang baik antara kedua-dua buah universiti. Dalam ucapan balasnya, Prof. Shukri selaku wakil rombongan turut menyatakan rasa terharu dengan penerimaan warga UMS terhadap lawatan mereka. Beliau juga menjemput pihak sekolah untuk melawat UMT. "Inilah pengalaman saya pertama menjejakkan kaki ke Sabah, cantiklah universiti ini" demikian menurut salah seorang anggota rombongan delegasi tersebut. Rombongan seterusnya telah dirai dalam satu jamuan ringan yang turut dihadiri oleh kakitangan Sekolah Perniagaan & Ekonomi yang lain.

